

Bil. S 43

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83{3})

PERINTAH DARURAT (AKTA KESALAHAN-KESALAHAN KECIL) (PINDAAN), 1998

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil) (Pindaan), 1998. Gelaran.

2. Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil adalah dipinda dengan menambah yang berikut – Tambahan
Bahagian
baru kepada
Penggal 30.

"BAHAGIAN IX

MENGKOMPAUN KESALAHAN

Mengkompaun
Kesalahan.

38A. (1) Pengerusi mana-mana Lembaga Bandaran, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Penguasa, dan mana-mana orang yang diberi kuasa atas nama atau atas jawatan oleh Menteri dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* boleh, atas budi bicaranya, berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah bab 12 atau sebarang kesalahan di bawah Akta ini yang telah ditetapkan di bawah ceraiian (3) sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun, jika dia berpuas hati bahawa mana-mana orang lain telah melakukan kesalahan tersebut dan sama ada atau tidak suatu pendakwaan sebenarnya belum lagi diputuskan, mengkompaun kesalahan tersebut dengan memungut daripada orang itu suatu jumlah wang yang tidak melebihi dari \$500.

(2) Sebarang jumlah wang yang dipungut di bawah bab ini hendaklah dikendalikan seolah-olah jumlah wang itu adalah suatu denda yang dikenakan oleh Mahkamah Majistret.

(3) Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat aturan-aturan untuk menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun di bawah ceraiian (1) dan cara dan prosedur mengenainya."

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Syaaban Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 23 haribulan November, 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**